

29/11/1997

Malaysia tidak musuhi Amerika

KUALA LUMPUR, Jumaat - Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata ketegasan Malaysia mempertahankan kepentingan dan haknya tidak bermakna ia memusuhi negara lain termasuk Amerika.

"Kita tidak mahu bermusuhi dengan negara lain kerana kita mengakui kalau kita berbaik-baik dengan negara lain, termasuk Amerika, ia akan lebih banyak faedah," katanya ketika dalam program Malaysia Hari Ini (MHI) terbitan TV3 hari ini.

Sambil menyifatkan hubungan Malaysia-Amerika sebagai sihat dan matang, beliau berkata Malaysia akan menyokong negara itu jika apa yang dilakukannya wajar tetapi akan membantah jika ia bertentangan dengan prinsip negara.

Sebagai contoh, Malaysia menyokong campur tangan Amerika dalam menyelesaikan isu Bosnia dan usaha negara itu melaksanakan perjanjian damai Dayton dan membangunkan sumber tenaga Korea Utara di bawah Pertubuhan Pembangunan Tenaga Korea.

Malaysia mengakui kepentingan Amerika sebagai rakan perdagangan dan pelaburan ketiga terbesar tetapi pada masa yang sama tidak mahu hubungan itu disifatkan sebagai "hubungan antara kuasa besar dengan kuasa kecil yang menjadi budak suruhan".

Menurutnya, eksport Malaysia ke Amerika tahun lalu berjumlah AS\$14 bilion manakala import dari negara itu AS\$12 bilion. Pelaburan Amerika di Malaysia berjumlah AS\$6 bilion dalam sektor modal dan AS\$2 bilion dalam sektor ekuiti.

"Kita juga mempunyai lebih 10,000 pelajar di Amerika manakala pelaburan kita di sana berjumlah AS\$1.008 bilion," katanya.

Beliau turut menafikan tuduhan bahawa Malaysia negara pengacau dan 'tukang pukul Amerika' kerana ia timbul hanya kerana Malaysia tidak bersetuju dengan negara itu dalam beberapa perkara.

Mengenai usaha 34 anggota Kongres Amerika untuk mengemukakan usul menggesa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta maaf atau meletak jawatan, Abdullah berkata pegawai kedutaan sedang mengadakan pertemuan dengan anggota kongres terbabit untuk menyatakan pendirian negara.

"Pada masa ini anggota kedutaan telah berjumpa dengan masyarakat Yahudi di Amerika menyatakan perkara sebenar," katanya, merujuk kepada kenyataan Dr Mahathir terhadap pembiayaan kewangan antarabangsa George Soros disalah anggap sebagai kenyataan anti-Yahudi.

Beliau berkata, sokongan rakyat terhadap kepemimpinan negara yang datang secara spontan apabila isu campur tangan Amerika timbul menunjukkan rakyat negara ini bersatu-padu apabila berhadapan dengan gangguan dari negara luar. - Bernama

(END)